

UTHM hargai penuntut aktif

Pazlina pulihkan keyakinan diri, Rineshwaran dilantik presiden organisasi diikuti

BATU PAHAT - Berkat usaha berterusan dan sentiasa aktif dalam aktiviti dilaksanakan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), menobatkan Pazlina Mohd Rabai, 22, selaku penerima Anugerah Mahasiswa Gemilang institusi berkenaan.

Pazlina yang juga Setiausaha Jawatankuasa Kolej Kediaman Tun Fatimah, akan menyertai sebarang aktiviti yang berlangsung di universiti berkenaan.

Penuntut jurusan Kejuruteraan Awam yang juga Setiausaha Jawatankuasa Kolej Kediaman Tun Fatimah itu berkata, pada mulanya dia mendekati rakan jawatankuasa tersebut bagi memulihkan keyakinan diri dan membina perhubungan dengan rakan.



Pazlina menerima Anugerah Mahasiswa Gemilang UTHM, malam kelmarin.

Menurutnya, sebelum itu, dia kurang yakin dengan kemampuan diri dan malu untuk mendekati rakan baru dikenali.

"Namun, selepas mengikuti pelbagai program yang dianjurkan, perhubungan

an saya dengan orang yang baru dikenali menjadi lebih baik dan saya mula mengenal pasti potensi diri," katanya selepas majlis berkenaan, malam kelmarin.

Manakala, bagi penerima Anugerah Mahasiswa

Gemilang, L Rineshwaran, 24, berkata, penghargaan yang diterima menyuntik semangat baru untuk dia terus bergiat aktif dalam organisasi diikuti iaitu Student In Sree Enterprise (SISE).

Menurutnya, dia mula

“Namun, selepas mengikuti pelbagai program yang dianjurkan, perhubungan saya dengan orang yang baru dikenali menjadi lebih baik dan saya mula mengenal pasti potensi diri.”

Pazlina

mengikuti SISE sebagai ahli, namun kerana minat yang mendalam dan aktif dalam setiap aktiviti, dia kini menjawat jawatan presiden organisasi berkenaan.

"Dalam SISE, kami berpeluang mendekati golongan memerlukan dan menyalurkan bantuan kepada mereka, bagi membela kebijakan kelompok tersebut. Kami akan melakukannya tidak kira di mana sahaja termasuk di luar negara," katanya yang juga pe-

nuntut tahun akhir jurusan Kejuruteraan Mekanikal.

Dalam pada itu, 12 mahasiswa lain turut menerima anugerah bagi kategori masing-masing kerana aktif dalam organisasi berkenaan.

Sebanyak 21 anugerah kepada 14 pemenang itu, disampaikan Ahli Lembaga Pengarah UTHM, Datuk Seri Sufri Mohd Zin dengan diiringi Naib Canselor UTHM, Profesor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin.